

Saya memang berhasrat mahu suami bersara — Siti Hasmah

4 JUL 2002

Oleh
HAIRULAZIM MAHMUD

PUTRAJAYA 3 Julai — Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali hari ini berkata, beliau memang berhasrat melihat suaminya bersara dari semua jawatan dalam kerajaan dan parti kerana telah terlalu lama menyandang jawatan tersebut.

Menurut beliau, masanya telah tiba untuk suaminya melepaskan jawatan ketika ekonomi negara dalam keadaan stabil dan aman, seterusnya menamakan penggantinya iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

“Sebagai isteri, saya tahu betapa sukarnya suami saya memimpin negara, dia dah lama... 21 tahun dan saya bersetuju dengan keputusannya meletakkan jawatan.

“Walaupun suami saya akan bersara, beliau berjanji akan terus membantu UMNO dan kerajaan tetapi mungkin dengan cara yang berlainan,” katanya.

Dr. Siti Hasmah berkata demikian kepada pemberita di Sri Perdana di sini hari ini ketika me-

ngulas keputusan Dr. Mahathir untuk melepaskan jawatan selepas Oktober 2003.

Sebelum itu, beliau menghadiri majlis penyampaian replika cek RM50,000 oleh Pengerusi Anak-Anak Syarikat ExxonMobil di Malaysia, Rich Kruger kepada kepada Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti).

Majlis tersebut adalah yang pertama dihadiri oleh Dr. Siti Hasmah se kembalinya ke tanah air hari ini daripada bercuti bersama Dr. Mahathir selama 10 hari di Itali.

Jelas Dr. Siti Hasmah lagi, Dr. Mahathir pernah memberitahunya jika bukannya sekarang beliau meletakkan jawatan, lambat laun perkara tersebut terpaksa dilakukan juga dan semua pihak wajar menerima hakikat tersebut.

Mengulas mengenai percutiannya di Laut Mediterranean dekat Itali, Dr. Siti Hasmah memberitahu, Dr. Mahathir banyak mengisi masa lapang dengan membaca dan menulis.

“Keadaan yang tenang

dan damai di sana memberi peluang untuk kami berehat di atas kapal layar sepanjang tempoh percutian itu.

“Sekali-sekala kami singgah di pulau-pulau kecil di sepanjang pelayaran untuk bersiar,” katanya sambil memberitahu Dr. Mahathir lebih gemar menghabiskan sebahagian besar masa cutinya di atas kapal.

Rindu

Namun begitu, jelasnya, beliau dan suami sentiasa ingin pulang segera ke Malaysia memandangkan terdapat urusan-urusan penting yang perlu diselesaikan.

“Kami rindukan makan dan kaum keluarga di Malaysia, selain tugas saya sebagai Yang Dipertua Bakti perlu didahulukan terutamanya menjelang mesyuarat agung ke-25 hari ini,” ujarnya.

Dalam pada itu, ketika mengulas peristiwa pengumuman peletakan jawatan Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UMNO yang lalu, Dr. Siti Hasmah memberitahu:

“Saya tergamam pada waktu itu dan tidak tahu apa yang harus dibuat,

dan apabila anggota Majlis Tertinggi UMNO (MT) mula mengerumuni suami saya, saya mula bimbang kerana takut sesuatu akan terjadi kepadanya.”

Beliau menjelaskan bahawa Dr. Mahathir tidak pernah memberitahunya mengenai hasrat untuk meletak semua jawatan dalam parti dan kerajaan.

“Saya tidak tahu apa-apa, beliau (Dr. Mahathir) tidak pernah sebut apa-apa mengenainya kepada saya sebelum ini,” ujarnya.

Dr. Siti Hasmah seterusnya berkata, selepas anggota MT menghalang suaminya daripada meneruskan ucapan pada perhimpunan tersebut, beliau ke pentas dan cuba menenangkan suaminya.

“Kemudian kedua-dua anak lelaki saya turut ke pentas sebelum ke Bilik Perdana diikuti oleh beberapa orang ahli MT termasuk Abdullah dan Rafidah Aziz (Datuk Seri) untuk memujuk Dr. Mahathir menarik balik peletakan jawatan itu,” katanya.

Selepas itu, menurut beliau, semua anggota MT yang ada beredar dari

bilik khas itu dan Abdullah kemudian mengumumkan penarikan balik peletakan jawatan itu.

Dalam pada itu, Dr. Siti Hasmah turut mendedahkan bahawa ketika Dr. Mahathir mengumumkan peletakan jawatan itu segala surat rasmi mengenainya telah disediakan.

“Apa pun, kami sekeluarga berada di sisi beliau (Dr. Mahathir) pada ketika itu dan sentiasa memberikan sokongan kepada apa juga keputusan yang dibuat oleh suami saya,” tambahnya.

Ditanya mengenai perancangan Dr. Mahathir selepas bersara nanti, Dr. Siti Hasmah berkata, suaminya belum memaklumkan apa-apa berkaitan perkara tersebut kepadanya.